



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

CONFERENCE PROCEEDING

ICITSBE 2012

**1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION
AND TECHNOLOGY FOR
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

16 -17 April 2012



Organized by:
Office of Research and Industrial
Community And Alumni Networking
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia
www.perak.uitm.edu.my

PAPER CODE:EE 23

FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN KURSUS PROFESIONAL DI UNIVERSITI AWAM DI MALAYSIA: TINJAUAN AWAL

Norbaizura Abu Bakar¹, Mohd Hafiz Saberi¹, Nasruddin Faisal²,
Mohmad Mohd Derus¹, Suhaila Ali¹, Farhan Md Dahlan¹

¹ Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Perak),
Malaysianorba379@perak.uitm.edu.my

² Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Shah Alam),
Malaysia

Abstrak

Hampir kesemua pelajar-pelajar peringkat menengah di Malaysia mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Ini telah dianggap sebagai satu jaminan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik satu hari nanti. Oleh itu, pemilihan kursus yang tepat adalah satu keputusan penting yang perlu dilakukan untuk merelisasikan apa yang mereka impikan. Namun faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk memilih sesuatu kursus tersebut masih kurang jelas ditafsirkan sehingga kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor atau pola-pola yang mempengaruhi pelajar memilih kursus profesional di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Kajian menggunakan kaedah temubual sebagai instrument. 68 pelajar semester satu Program Diploma Ukur Bahan UiTM Perak dipilih secara rawak. Soalan yang diajukan berkisar mengenai apakah faktor yang mempengaruhi mereka memilih kursus yang diikuti sekarang. Semua jawapan daripada pelajar dikumpul dan dianalisa. Proses analisa data adalah dengan membuat pengkodan mengikut tema-tema utama. Pada peringkat kedua tema-tema utama ini dikumpulkan kepada kumpulan-kumpulan yang mempunyai makna yang hampir sama. Tema peringkat kedua ini dikumpulkan sekali lagi untuk mendapatkan tema akhir. Tema akhir ini akhirnya diangkat sebagai dapatan dan dibincangkan dengan lebih mendalam. Analisis daripada temubual bersama responden telah menghasilkan beberapa dapatan. Pengaruh daripada ahli keluarga terdekat, melakukan penyelidikan awal terhadap kursus, mempunyai asas terhadap kursus, memilih kursus kerana ianya kursus teknikal, ditawarkan kursus oleh universiti tanpa memilih, memilih kursus tanpa ada latarbelakang, tidak layak untuk memohon kursus lain dan tidak mahu belajar di sekolah adalah paten-paten yang berjaya dijumpai di dalam proses analisis data. Kajian ini dapat membantu memberi manfaat dan sumbangan dari segi maklumat dan data kepada banyak pihak untuk menambahbaik kualiti graduan-graduan kursus profesional di Institut Pendidikan Tinggi Awam.

Kata Kunci: Pemilihan Kursus, Pemilihan Kerjaya, Pemilihan Pekerjaan.

Abstract

Almost all students in Malaysian secondary schools aim to pursue their studies at university level since many perceive this as a guarantee for a good career development in future. Thus, these students have to make the right choice in choosing the course that they have to enroll in. Factors which influence these choices are somehow not yet clarified. This study, therefore, aims to identify factors which have influenced the students in choosing professional courses at local public universities. Interviews were conducted with 68 first semester students of diploma in Quantity Surveying, UiTM (Perak) who were randomly chosen as subjects. Questions revolved on the factors that have influenced them to choose the course that they currently take. Among the students, answers were found to be quite similar. Data analysis involved coding of main themes. At the next level, these themes were categorized into groups which have similar meanings. Themes from the second level were re-grouped in order to get the last themes of which were selected as the findings and would be discussed at length. Analysis from the interview sessions had shown that family members, background and basic knowledge of the course, the type of course, course offered by the university, not eligible for other courses and refusal to study at school were among the major reasons that influenced the students' choices. Results from this research will be the source of information and beneficial to relevant departments at a university in order to improve the quality of graduates from local public universities.

Keywords : Choice of Courses, Career choice

1. Pengenalan

Hampir kesemua pelajar-pelajar peringkat menengah di Malaysia mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Ini telah dianggap sebagai satu jaminan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik satu hari nanti. Pekerjaan yang diimpikan oleh mereka biasanya adalah pekerjaan yang mempunyai nilai yang tinggi dari sudut gaji atau ganjaran dan juga persepsi masyarakat umum. Oleh itu, pemilihan kursus yang tepat adalah satu keputusan penting yang perlu dilakukan untuk merelisasikan apa yang mereka impikan. Namun faktor-faktor yang mempengaruhi mereka untuk memilih sesuatu kursus tersebut masih kurang jelas ditafsirkan sehingga kini. Apakah betul memang berdasarkan minat dan kecenderungan, dorongan atau paksaan ahli keluarga, hanya mengikut rakan-rakan malah mungkin juga secara tidak sengaja akibat kelemahan dari mana-mana sistem pemilihan.

Kertas kajian ini ditulis atas tujuan untuk merungkai faktor-faktor yang mempengaruhi para pelajar melakukan pemilihan kursus ke peringkat universiti khususnya dalam kursus profesional. Pandangan dan pendapat peribadi oleh para pelajar ini didengari oleh kajian ini demi merungkai apakah faktor-faktor yang wujud dibalik hadirnya mereka ke dalam kursus yang dipilih. Ini kerana pemilihan kursus ke universiti adalah satu perkara penting di dalam hidup dan akan memberi kesan ke atas hidup seseorang untuk sepanjang hidupnya. Perkara ini disokong oleh Borchert (2002) di mana beliau mengatakan pemilihan kerjaya adalah salah satu pemilihan penting yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar untuk menentukan masa depan mereka. Keputusan ini akan memberi kesan terhadap keseluruhan kehidupan mereka. Malah Abdullah Mat Rashid (2009) ada mengatakan pemilihan kerjaya adalah sesuatu yang penting di dalam hidup seseorang. Pemilihan kerjaya yang betul akan membawa kepada kepuasan dan keharmonian di dalam kehidupan untuk jangkamasa yang panjang.

2. Penyataan Masalah

Ramai pelajar diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA) untuk melanjutkan pengajian dalam kursus profesional saban tahun. Sepertimana ramainya yang masuk maka ramai juga yang keluar setelah tamat dilatih untuk tempoh yang tertentu di Institusi-institusi yang terpilih. Walaupun mereka ini datang dan pergi sejak 30 tahun yang lalu, namun, dunia akademik tidak pernah tahu dengan mendalam apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka datang menagih ilmu dari kursus-kursus profesional ini.

3. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor atau pola-pola yang mempengaruhi pelajar memilih kursus profesional di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.

4. Kajian Literatur

Pemilihan kerjaya adalah salah satu keputusan penting yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar untuk menentukan masa depan mereka dan keputusan ini akan memberi kesan terhadap sepanjang kehidupan mereka Borchert (2002). Abdullah Mat Rashid (2009) juga menyokong pendapat ini dengan mengatakan pemilihan kerjaya yang betul akan memberi kepuasan dan keharmonian kepada si pembuat keputusan. Pernyataan mereka disokong oleh Crites (1989) yang menyatakan, pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang paling penting dalam kehidupan apabila individu mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan. Syed Nasir (1998) mengatakan pemilihan kerjaya adalah satu proses yang akan ditempuhi bagi setiap pelajar dan ianya melibatkan satu jangkamasa yang panjang sebelum membuat satu keputusan yang muktamad dan kekal sehingga ke akhir hayat. Ginzberg (1972) berpendapat bahawa pemilihan kerjaya ialah proses membuat keputusan yang berlaku sejak remaja hingga seseorang individu berumur seawal dua puluh tahun, iaitu apabila individu mula sedar dan mengambil tahu tentang pekerjaan. Oleh itu, proses pemilihan kerjaya telah berlaku sejak dari kecil dengan menetapkan cita-cita mengikut bidang yang mereka minati.

Menurut Hishammudin dalam Baharin Abu (2010) mengatakan ibubapa merupakan kumpulan rujukan terpenting dikalangan anak-anak di dalam sistem kekeluargaan di Malaysia. Dorongan ibubapa dan anggota keluarga sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemilihan kerjaya mereka Salehuddin (2005). Azizi Yahaya (2007) mengatakan ibubapa dan anggota keluarga merupakan pendorong yang kuat kepada keputusan pemilihan kerjaya pelajar. Pendapat Salehudin dan Azizi ini juga dipersetujui oleh Quek Ah Meng (1991). Ginzberg (1951) menyatakan pengaruh ibu bapa terhadap pemilihan kerjaya anak-anak adalah tinggi. Menurut Ee Ah Meng (1988) sekiranya terdapat ahli keluarga berjaya di dalam sesuatu bidang maka ianya akan mempengaruhi dan mendorong ahli keluarga yang lain berusaha untuk berjaya. Penglibatan ahli keluarga di dalam sesuatu bidang itu akan menimbulkan minat di dalam diri pelajar untuk menceburkan diri di dalam bidang yang sama

Ab. Rahim (2000). Ibubapa biasanya mahu anak mereka mengikut jejak langkah mereka di dalam menentukan kerjaya mereka Hairunnaja Najmuddin (2005). Mohd Najib (2002) mengatakan minat kepada sesuatu bidang adalah timbul berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang diterima oleh pelajar melalui persekitaran hidup pelajar tersebut. Menurut Asmadi dalam Yahya Buntat (2010), menyatakan kerap kali pengaruh latar belakang keluarga mempengaruhi kerjaya seseorang.

Minat merupakan faktor yang penting di dalam proses pembentukan awal kerjaya dimana minat yang tinggi terhadap sesuatu perkara akan menambahkan lagi keyakinan diri untuk berjaya Minghat Asnul Dahar (2010). Sharifah Alawiyah Alsagoff (1987) menyatakan minat adalah pendorong yang penting kepada individu di dalam mencapai kecemerlangan. Kenyataan ini selari dengan pendapat Donald (1986) yang menyatakan antara faktor yang mempengaruhi mereka di dalam memilih bidang kerjaya adalah berdasarkan kepada mata pelajaran yang mereka gemari. Abu Zahari Abu Bakar (1987) telah menyatakan bahawa minat berperanan penting kerana minat dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang itu berusaha dengan gigih untuk menguasai serta mendapatkan apa yang dikehendakinya. Menurut Aniza dalam Asnul Dahar Minghat (2011) mendapati semakin meningkat umur seseorang remaja semakin tinggi status pekerjaan yang dipilih tetapi di akhir peringkat remaja mereka akan memilih pekerjaan yang mereka minati dan mahir. Menurut Atan Long (1982) pemilihan kerjaya mestilah selaras dengan minat individu kerana ianya merupakan pilihan untuk masa depan. Bidang kerjaya yang telah dipilih perlu seiring dengan minat individu tersebut agar ianya dapat membentuk identiti dan personaliti seseorang. Menurut Ginzberg dalam Baharin Abu (2010) dan Holland (1973) yang menyatakan pertimbangan yang dibuat oleh seseorang dalam menentukan pemilihan kerjaya adalah bergantung kepada diri sendiri dengan menilai kebolehan, minat dan cita rasanya terhadap dunia pekerjaan tersebut. Menurut Walker dalam Mohamed Najib Abdul Ghafar (2008) menyatakan sebahagian besar daripada mereka yang berjaya dalam kerjaya memilih kerjaya berdasarkan minat dan bukan dari pendapatan yang diperolehi. Khashiatul-Fauziah Hamzah (2003) menyatakan minat adalah satu kecenderungan bagi seseorang individu untuk mengetahui, mempelajari dan menceburi sesuatu perkara yang menjuruskan mereka kepada pilihan yang diinginkan. Tolbert (1974) dalam Mat Khailil (2000) menyatakan bahawa minat boleh mempengaruhi seseorang itu dalam pemilihan kerjayanya. Norlia Melawi (2000) dalam kajiannya terhadap pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia mendapati minat merupakan faktor yang penting dalam pemilihan kerjaya.

Menurut Suhaimi dalam Asnul Dahar Minghat (2011), remaja lebih terpengaruh dengan rakan sebaya daripada orang lain dalam pelbagai aspek. Ramai remaja mula mempelajari erti kehidupan bersama rakan sebaya mereka. Remaja juga kadangkala memilih sesuatu bidang pendidikan disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya Hairunnaja Najmuddin (2005). Walaubagaimanapun pendapat Hairunnaja Najmuddin ini tidak disokong oleh Mat Khailil (2000) di mana dalam kajiannya terhadap pemilihan kerjaya dikalangan remaja melayu daerah Kinta yang mendapati rakan sebaya tidak banyak memberi kesan kepada responden dalam membuat pemilihan kerjaya. Selain itu kajian yang dibuat oleh Mohd Sahibudilah Bin Mat Nor dalam Yahya Buntat (2010) dalam kajiannya iaitu pemilihan profesion perguruan dikalangan siswazah kejuruteraan di Maktab perguruan Teknik Kuala Lumpur juga mendapati faktor rakan sebaya tidak banyak mempengaruhi responden dalam membuat keputusan untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya.

Bimbingan serta kaunseling kerjaya di peringkat sekolah boleh membantu pelajar mencari haluan kerjaya mereka. Menurut Super dalam Adnan Ahmad (2010) bimbingan dan kerjaya adalah proses pembantuan terhadap individu untuk menimbulkan dan menerima gambaran tentang dirinya secara keseluruhan dan sesuai baginya dalam lapangan pekerjaan disamping menolungnya untuk memberi gambaran tersebut dalam alam nyata dan mengubahnya kepada fakta nyata sedemikian rupa sehingga menjamin baginya kebahagiaan dan manfaat bagi masyarakat. Bimbingan dan kerjaya adalah penting bagi para pelajar untuk memilih haluan mereka dalam alam pekerjaan. Menurut Suradi dalam Yahya Buntat (2010), menyatakan pelajar memerlukan pertolongan pihak yang lebih matang untuk membuat pilihan kerjaya yang biasanya tidak dapat diberikan oleh ibu bapa mereka. Ini ditegaskan lagi oleh Ahmad Baharuddin Abdullah (2007), guru kerjaya hendaklah ingat bahawa pemilihan kerjaya adalah proses yang berlanjutan dan bukan satu kejadian tertentu. Gladding (1978) dalam kajiannya mendapati wujudnya keberkesanan kaunseling terhadap keputusan, penerokaan vokasional dan pemilihan kerjaya. Myrick (1997) menyatakan sekolah adalah tempat yang paling baik untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran mengenai kerjaya kepada para pelajar.

Menurut Ginzberg dalam Arthur P. Lloyd (1994) prestij memberi kesan terhadap aspirasi pekerjaan pelajar. Secara umumnya apa yang menarik pada sesuatu pekerjaan adalah seperti yang dikatakan oleh Shertzer and Stone (1992) iaitu ia melibatkan situasi pekerjaan yang merangkumi pendapatannya berbanding pekerjaan lain, ganjaran, prestij sosialnya, ketetapan bekerja, peluang untuk maju dan suasana pekerjaan itu dijalankan. Menurut mereka juga, pengaruh situasi pekerjaan itu sendiri mampu menarik minat seseorang pelajar itu untuk membuat pemilihan kerjaya. Ianya sesuai dengan Model Hirarki Maslow dalam Ee Ah Meng (1991) dimana pertimbangan dan keputusan di dalam menentukan pilihan sudah tentu mengambil kira keperluan dan keinginan. Menurut Holland (1973), seseorang individu itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan kerana terdapat beberapa ciri-ciri yang menarik seperti latar belakang pekerjaan, pangkat, bentuk kerja dan gaji. Menurut Ginzberg dalam

Mohamed Najib Abdul Ghafar (2008) penghormatan yang diterima dari orang sekeliling dan kemampuan untuk yakin pada keputusan diri akan memberikan satu pengalaman yang kuat terhadap tumpuan, imaginasi, usaha dan keinginan untuk terus melaksanakan sesuatu tugas. Faridah Mariani Johari (1998) dalam kajian terhadap Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Sultan Omar, Dungun, Terengganu mendapati pekerjaan yang dianggap berstatus dan tarikan gaji merupakan faktor yang mendorong pemilihan sesuatu kerjaya.

Menurut Noor Asman dalam Yahya Buntat (2010), pemilihan kerjaya berdasarkan latar belakang pendidikan seseorang individu adalah dipengaruhi oleh pengetahuan tentang wujudnya pekerjaan yang ada di sekitarnya. Mereka juga sedar keperluan mempunyai kelayakan yang baik dalam pasaran pekerjaan tersebut. Hairunnaja Najmuddin (2005), dalam borang permohonan memasuki universiti terdapat ruangan yang meminta pelajar menyatakan pilihan pertama hingga pilihan kelima. Yang menjadi masalah adalah apabila pelajar mendapat tawaran kursus bagi pilihan yang terakhir yang dia sendiri tidak jangka. Dalam keadaan yang terdesak untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ada pelajar yang nekad mengambil apa sahaja kursus asal sahaja dia dapat memasuki universiti seperti rakan-rakan lain.

5. Kaedah Penyelidikan

Kajian kualitatif ini dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual sebagai instrument. 68 pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester satu Program Diploma Ukur Bahan UiTM Perak telah dipilih secara rawak. Mereka dipilih sebagai sampel yang mewakili populasi adalah atas dua sebab utama. Sebab pertama ialah kerana mereka adalah para pelajar yang baru sahaja melakukan proses pemilihan kursus untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti dan sebab yang kedua adalah kerana Program Ukur Bahan boleh dikategorikan sebagai kursus profesional yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Soalan-soalan yang diajukan kepada pelajar-pelajar ini berkisar tentang apakah faktor yang mempengaruhi mereka memilih kursus yang diikuti sekarang. Mereka dibiarkan menjawab dengan cara dan bahasa mereka sendiri supaya dapatan kajian nanti akan lebih bersifat jujur dan tidak berat sebelah. Ini kerana kajian ini lebih mementingkan pemahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji dan juga mementingkan penemuan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan. Analisa temubual dilakukan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti tema, konsep dan makna. Dalam hal ini analisis kandungan memerlukan sistem pengkodan yang berkaitan dengan matlamat penyelidikan. Semua jawapan daripada pelajar dikumpul dan dianalisa. Proses analisa data adalah dengan membuat pengkodan mengikut tema-tema utama. Pada peringkat kedua tema-tema utama ini dikumpulkan kepada kumpulan-kumpulan yang mempunyai makna yang hampir sama. Tema peringkat kedua ini dikumpulkan sekali lagi untuk mendapatkan tema akhir. Tema akhir ini akhirnya diangkat sebagai dapatan dan dibincangkan dengan lebih mendalam.

6. Dapatan Dan Perbincangan

Analisa daripada kajian ini menghasilkan beberapa tema utama yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam. (Sila rujuk jadual 1)

Jadual 1: Tema-tema utama yang terhasil daripada kajian

Tema Pertama	Tema Kedua	Tema Akhir
<ul style="list-style-type: none"> Saudara terdekat ada firma QS/ bekerja sebagai QS (1) Ayah bekas juruteknik QS (2) Adik beradik ahli kepada badan professional (3) Galakan daripada ahli keluarga terdekat (4) Ditawarkan QS walaupun memohon kursus lain (5) Tidak mahu mengambil peperiksaan STPM (6) Telah mempunyai asas mengenai bidang pembinaan di peringkat sekolah (7) Tidak tahu bidang QS tetapi lebih cenderung kepada pengiraan (8) Tidak tahu bidang QS tetapi mahu kursus yang tidak banyak membaca (9) Sengaja memohon tanpa ada 	<ul style="list-style-type: none"> Saudara terdekat ada firma QS/ bekerja sebagai QS (1) Ayah bekas juruteknik QS (2) Galakan daripada ahli keluarga terdekat (4) Ada ahli keluarga yang sedang belajar dalam kursus ini (19) Adik beradik ahli kepada badan professional (3) Memang berminat dengan kursus ini (17) Membuat penyelidikan awal bidang ini sebelum memohon (12) Memohon setelah mendapat nasihat dari guru kerjaya sekolah (14) Telah mempunyai asas mengenai bidang 	<ul style="list-style-type: none"> Pengaruh ahli keluarga terdekat Melakukan penyelidikan awal sebelum pemilihan kursus Telah mempunyai asas sebelum

<p>pengetahuan latar belakang kursus (10)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernah belajar kursus ini di Politeknik (11) • Membuat penyelidikan awal bidang ini sebelum memohon (12) • Memohon kursus ini kerana mengikut rakan-rakan lain (13) • Memohon setelah mendapat nasihat dari guru kerjaya sekolah (14) • Ditawarkan kursus ini walaupun bukan pilihan utama (15) • Berminat dengan kursus ini sejak di bangku sekolah lagi (16) • Memang berminat dengan kursus ini (17) • Meminati kursus lain tetapi kelayakan tidak mencukupi (18) • Ada ahli keluarga yang sedang belajar dalam kursus ini (19) 	<p>pembinaan di peringkat sekolah (7)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pernah belajar kursus ini di Politeknik (11) • Berminat dengan kursus ini sejak di bangku sekolah lagi (16) • Tidak tahu bidang QS tetapi lebih cenderung kepada pengiraan (8) • Tidak tahu bidang QS tetapi mahu kursus yang tidak banyak membaca (9) • Ditawarkan QS walaupun memohon kursus lain (5) • Ditawarkan kursus ini walaupun bukan pilihan utama (15) • Sengaja memohon tanpa ada pengetahuan latar belakang kursus (10) • Memohon kursus ini kerana mengikut rakan-rakan lain (13) • Meminati kursus lain tetapi kelayakan tidak mencukupi (18) • Tidak mahu mengambil peperiksaan STPM (6) 	<p>ditawarkan kursus di universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memilih kursus kerana ia adalah kursus teknikal • Ditawarkan oleh universiti tanpa memilih • Memilih kursus tanpa ada latar belakang • Tidak layak untuk kursus lain • Tidak mahu menduduki STPM
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

6.1 Pengaruh daripada ahli keluarga terdekat

Pelajar memilih kursus profesional adalah disebabkan rasa hormat ke atas kemahuan dan keinginan ahli keluarga mereka. Ada antara mereka langsung tidak pasti mengenai hala tuju kursus yang dimohon tetapi dengan rela hati menerima kursus yang telah diaturkan oleh keluarga untuk mereka. Ini dapat ditunjukkan oleh petikan temubual berikut;

'...memang tidak dinafikan saya memilih kursus ukur bahan ini disebabkan oleh kemahuan ibubapa saya. Lagipun saya rasa, apa yang baik untuk mereka baik juga untuk saya' (Mahasiswa 10)

'...ibubapa saya suruh ambil sahaja kursus ini, saya pun terpaksa akur dengan kehendak mereka' (Mahasiswa 24)

Berasaskan petikan temubual di atas, ianya dapat disimpulkan bahawa terdapat kelompok pelajar dalam kursus profesional di IPTA adalah kelompok yang tidak mementingkan kemahuan sendiri demi menghormati keinginan keluarga mereka. Dapatan ini selari dengan banyak kajian terdahulu seperti Salehuddin (2005), Azizi Yahaya (2007), Quek Ah Meng (1991) dan Ginzberg (1951). Pendapat mereka adalah selari mengatakan ibubapa dan anggota keluarga menjadi pendorong terhadap pemilihan kerjaya pelajar. Ianya juga bertepatan dengan gambaran yang diberikan oleh Hishammudin dalam Baharin Abu (2010) yang mengatakan ibubapa merupakan kumpulan rujukan terpenting dikalangan anak-anak di dalam sistem kekeluargaan di Malaysia.

Selain itu, terdapat juga pelajar yang memilih kursus profesional di IPTA berdasarkan pengaruh ahli keluarga terdekat yang menceburi di dalam bidang yang sama atau hampir sama. Ibubapa, adik beradik, ibu atau bapa saudara yang bekerja di dalam bidang profesional secara tidak langsung telah mempengaruhi keputusan pelajar sewaktu melakukan permohonan ke IPTA. Ini dapat ditunjukkan oleh petikan temubual bersama beberapa orang pelajar;

'...saya ada 3 orang abang yang telah bekerja, abang sulung adalah seorang Juruukur Bahan, yang ke 2 adalah seorang Jurutera dan yang ke 3 adalah seorang Peguam. Jadi mahu atau tidak saya terpaksa menjadi profesional macam mereka juga' (Mahasiswa 3)

'...sebab saya masuk bidang ini kerana kejayaan kakak saya yang mempunyai firma kejuruteraan sendiri. Saya ingin menjadi seperti kakak saya. Lagipun, dorongan mak dan ayah membuatkan saya memasuki kursus ini' (Mahasiswi 1)

Berdasarkan beberapa petikan temubual yang telah ditunjukkan, ianya dapat difahami bahawa latarbelakang keluarga memainkan peranan yang cukup besar di dalam mempengaruhi keputusan pelajar di dalam melakukan

permohonan memasuki kursus profesional di IPTA. Dapatan ini adalah selari dengan banyak kajian terdahulu seperti Asmadi dalam Yahya Buntat (2010), Hairunnaja Najmuddin (2005), Ab. Rahim (2000) dan Ee Ah Meng (1988). Kajian mereka mengatakan penglibatan ahli keluarga di dalam sesuatu bidang itu akan mempengaruhi minat pelajar untuk menceburi bidang yang sama atau hampir sama.

Faktor minat juga dikenalpasti dimana ada mahasiswa/i yang menyatakan mereka sangat berminat dengan kursus yang dipohon selepas melihat ahli keluarga lain menceburi bidang yang sama.

'...minat sebab dari kecil saya tengok macam mana ayah bekerja. Saya selalu ikut beliau ke pejabat dan kadang-kadang ke tapak projek'.

Ini menunjukkan faktor minat adalah hadir apabila seseorang itu mempunyai pendorong walaupun dorongan itu tidak dilakukan secara nyata. Kajian-kajian oleh Sharifah Alawiah Alsagoff (1987), Donald (1986), Abu Zahari Abu Bakar (1987) dan Atan Long (1982) amat menyokong dapatan ini. Mereka sepakat berpendapat minat akan mendorong terhadap keputusan yang dibuat demi masa depan mereka.

6.2 Melakukan penyelidikan awal sebelum memilih kursus

Terdapat juga pelajar yang melakukan penyelidikan awal sebelum memilih kursus profesional di IPTA. Mereka ini terdiri daripada golongan yang tidak mengetahui halatuju mengenai sesuatu kursus tersebut tetapi berusaha sendiri untuk mengetahuinya sebelum mengambil keputusan memohon kursus tersebut. Kaedah yang digunakan untuk melakukan penyelidikan awal ini termasuklah bertanya dengan kawan-kawan atau sesiapa sahaja yang dianggap mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai kursus tersebut.

'...saya tak fikir pun kursus apa nak ambil, yang saya tahu, saya nak kursus yang banyak peluang pekerjaan, gaji yang banyak, banyak kerja di tapak, berkaitan dengan nombor dan kira-kira. Industri pembinaan sahaja yang memenuhi kriteria ini tetapi keluarga tidak seorang pun kerja di dalam industri ini. Jadi saya banyak bertanya dengan kawan-kawan, ibubapa dan pakcik-pakcik mereka mengenai bidang ini.' (Mahasiswa 4)

Mahasiswa ini boleh dikatakan sebagai seorang yang berdikari di mana beliau langsung tidak mendapatkan pandangan daripada ahli keluarga mengenai kursus yang ingin di pohon. Beliau lebih selesa bertanya dengan orang-orang di luar kelompok keluarga memandangkan ahli keluarganya tidak seorang pun berkecimpung di dalam bidang teknikal ini.

Selain itu beliau meletakkan soal prestij sebagai salah satu dorongan didalam bekerjaya kelak, dimana beliau menyatakan tentang soal gaji di dalam temubual. Soal prestij pernah dibincangkan di dalam kajian oleh Faridah Mariani Johari (1998), Ginzberg dalam Mohamed Najib Abdul Ghafar (2008), Arthur P. Lyod (1994), Shertzer and Stone (1992), Ee Ah Meng (1991) dan Holland (1973). Mereka selari berpendapat mengatakan soal gaji dan ganjaran, kedudukan sosial, ketetapan bekerja, peluang untuk maju dan suasana kerja mendorong sesuatu kerjaya itu dipilih.

6.3 Mempunyai pengetahuan asas sebelum memohon kursus di universiti

Terdapat juga kelompok pelajar yang telah mempunyai pengetahuan asas mengenai kursus yang ingin dipohon. Kelompok ini kebanyakannya telah menamatkan pengajian di dalam aliran teknikal di sekolah-sekolah menengah teknik yang bernaung di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Malah ada juga pelajar yang telah mengikuti pengajian kursus teknikal di politeknik-politeknik di seluruh Malaysia. Jadi apabila mereka ingin meneruskan pengajian ke peringkat universiti mereka lebih selesa untuk memohon kursus yang sama ataupun berkaitan dengan kursus mereka dahulu.

'...saya mula mengenali kursus ukur bahan ini semasa saya di sekolah teknik dahulu. Saya mengambil kursus kejuruteraan awam pada waktu itu tetapi selepas 2 tahun di sekolah teknik saya merasakan saya lebih berminat dengan bidang ukur bahan.' (Mahasiswa 2)

Pelajar dari kelompok ini boleh dianggap telah memahami halatuju dan skop tugas mengenai kursus yang dipohon di universiti. Pengalaman sewaktu berada di sekolah atau politeknik beraliran teknikal telah membantu mereka untuk membuat pemilihan kursus di peringkat universiti. Dapatan ini selari dengan Noor Asman dalam Yahya Buntat (2010) yang menyatakan pemilihan kerjaya berdasarkan latar belakang pendidikan seseorang individu adalah dipengaruhi oleh pengetahuan tentang wujudnya pekerjaan yang ada di sekitarnya. Berdasarkan kajian Noor Asman ini amatlah bertepatan jika dikatakan kelompok pelajar ini dipengaruhi oleh latarbelakang pendidikan peringkat menengah dan juga sedikit pengetahuan mengenai bidang yang dipohon.

6.4 Memilih kursus yang bersifat teknikal

Kelompok pelajar ini sebenarnya tidak terlalu memahami mengenai halatuju dan skop bidang kursus yang dipohon. Permohonan mereka hanya berdasarkan minat mereka terhadap kursus yang perlu melakukan banyak pengiraan dan bukannya banyak membaca. Atas kriteria ini mereka memohon kursus teknikal ini yang sememangnya perlu melakukan banyak pengiraan.

'...kursus saya dulu merupakan kursus sastera yang memerlukan komitmen menghafal dan membaca. Membaca dan menghafal merupakan perkara yang saya kurang minat. Minat saya lebih cenderung kepada pengiraan yang berasaskan matematik' (Mahasiswi 3)

'...tetapi apa yang pasti minat saya lebih menjurus kepada pengiraan. Dengan itu saya telah memilih kursus ukur bahan ini walaupun saya tidak pasti apakah ukur bahan sebenarnya'. (Mahasiswi 4)

Kelompok ini sebenarnya memilih kursus yang bersesuaian dengan teknik dan kecenderungan belajar mereka.

6.5 *Ditawarkan kursus yang bukan pilihan utama*

Kelompok mahasiswa/i ini pula pada asalnya meletakkan kursus lain sebagai pilihan utama mereka ke universiti. Kursus yang dipilih ini hanyalah sebagai alternatif lain ataupun sekadar pelengkap terhadap permohonan mereka. Tetapi atas sebab-sebab tertentu mereka dipilih memasuki kursus ini walaupun ianya bukan pilihan utama mereka.

'...sebenarnya saya tidaklah minat dengan bidang ukur bahan ini. Pilihan pertama saya adalah akaun kerana saya memang minat. Ukur bahan ini pilihan keempat kalau tak silap. Tapi nasib tidak menyebelahi saya untuk belajar akaun' (Mahasiswi 5)

Pelajar kelompok ini menyertai kursus profesional ini atas sebab tidak terpilih untuk masuk ke dalam kursus yang mendapat keutamaan mereka. Boleh juga dikatakan bahawa mereka tetap mempunyai minat di dalam kursus teknikal ini tetapi tidaklah begitu mendalam seperti mana mereka meminati kursus pilihan utama mereka. Hairunnaja Najmuddin (2005), dalam borang permohonan memasuki universiti terdapat ruangan yang meminta pelajar menyatakan pilihan pertama hingga pilihan kelima. Yang menjadi masalah adalah apabila pelajar mendapat tawaran kursus bagi pilihan yang terakhir yang dia sendiri tidak jangka. Dalam keadaan yang terdesak untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi ada pelajar yang nekad mengambil apa sahaja kursus asal sahaja dia dapat memasuki universiti seperti rakan-rakan lain.

6.6 *Memilih kursus tanpa ada pengetahuan asas*

Terdapat juga pelajar yang memohon kursus profesional di universiti tanpa mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai bidang yang dipohon. Berdasarkan temubual, mereka juga tidak melibatkan langsung keluarga di dalam proses membuat keputusan memilih kursus profesional ini. Kelompok ini dianggap memohon kursus teknikal ini tanpa mempunyai sebab yang munasabah.

'...sebenarnya saya pun tidak tahu mengenai bidang ini. Saya main pilih sahaja masa buat permohonan dahulu. Selepas 2 minggu belajar kursus ini di universiti barulah saya nampak mengenai bidang ini.'

'...saya memang tak tahu apa-apa mengenai bidang ini. Dengar pun tidak pernah. Saya hanya memilih bidang ini semata-mata untuk cukupkan 8 pilihan sahaja.'

Kenyataan pelajar ini menunjukkan mereka adalah golongan yang tidak kisah dengan halatuju masa depan mereka. Mereka melakukan permohonan ke universiti adalah sekadar mencuba nasib sahaja.

Ada juga dari kelompok ini yang memilih kursus dengan hanya mengikut rakan-rakan lain tanpa ada campur tangan keluarga.

'...tak tahu nak pilih apa sebab saya tidak banyak pendedahan mengenai kerjaya. Jadi saya hanya ikut kawan.'

Pengaruh rakan sebaya adalah perkara biasa di dalam proses membuat keputusan di kalangan anak remaja. Perkara ini dikongsi oleh Hairunnaja Najmuddin (2005) di mana beliau menegaskan remaja kadangkala memilih sesuatu bidang atas pengaruh rakan sebaya. Walaubagaimanapun, kajian oleh Mat Khailil (2000) dan Mohd Sahibudilah Mat Nor dalam Yahya Buntat (2010) menolak perkara ini. Mereka berpendapat pengaruh rakan sebaya tidak begitu memberi kesan terhadap aspek pemilihan kerjaya. Pandangan mereka ini boleh juga diterima dalam kajian ini memandangkan tidak ramai responden yang mengutarakan isu ini dalam temubual. Namun begitu faktor pengaruh rakan sebaya masih tetap dikenalpasti sebagai antara faktor pemilihan kerjaya pelajar.

6.7 *Tidak layak untuk memohon kursus lain*

Pelajar dari kelompok ini pada asalnya tidak berminat atau tidak berniat untuk belajar dalam kursus profesional ini. Mereka lebih berminat untuk belajar dalam kursus-kursus sains tulen seperti bidang perubatan dan kesihatan. Oleh kerana syarat kelayakan yang sangat ketat terhadap kursus seperti ini maka mereka tiada pilihan lain selain mencari kursus alternatif yang lebih sesuai dengan keputusan peperiksaan peringkat menengah mereka.

'...tak pernah pun masa kecil terfikir untuk ambil bidang ukur ataupun kejuruteraan. Sebenarnya cita-cita saya di dalam bidang perubatan. Tapi keputusan peperiksaan peringkat menengah teruk dalam sains. Jadi ibu saya terus cadangkan untuk ambil kursus ini' (Mahasiswi 6)

Kenyataan ini menunjukkan yang kursus profesional yang sedang mereka belajar ini bukanlah satu pilihan utama pada asalnya. Ia hanyalah satu pilihan alternatif untuk meneruskan pengajian ke peringkat universiti supaya tidak ketinggalan seperti orang lain.

6.8 Tidak mahu belajar di sekolah lagi

Kelompok pelajar ini mahu lari dari suasana persekitaran sekolah. Perkataan bosan mungkin adalah perkataan yang paling tepat untuk menggambarkan apa yang mereka rasa. Seorang pelajar sekolah yang baru habis tingkatan lima sebenarnya telah menghabiskan 13 tahun usia mereka di dalam persekitaran sekolah (mengambil kira 2 tahun pra-sekolah). Jika mahu menyambung pelajaran ke tingkatan 6 maka mereka terpaksa menyambung 2 tahun lagi untuk belajar di sekolah. Maka ada golongan pelajar lepasan tingkatan 5 (lepasan SPM) yang tidak akan melepaskan peluang untuk belajar di universiti semata-mata tidak mahu meneruskan pengajian di tingkatan 6.

'...sebelum mendaftar di UiTM saya belajar di tingkatan 6 rendah untuk buat STPM. Tetapi sekolah cukup membosankan maka saya ambil keputusan untuk memohon UiTM supaya saya dapat lari dari belajar STPM. Lagipun saya nak hidup berdikari.' (Mahasiswa 7)

Persekitaran pendidikan sekolah dan hidup di dalam lingkungan keluarga juga sering dianggap mengongkang pelajar juga menjadi punca kepada pelajar untuk keluar dari alam persekolahan untuk hidup berdikari. Mahasiswa/i kelompok ini mempunyai kecenderungan untuk memilih apa sahaja bidang di universiti asalkan dapat keluar dari suasana sekolah.

7. Kesimpulan

Sebahagian dapatan dari kajian ini menunjukkan ianya hanyalah dapatan biasa dimana telah ditulis dalam kajian-kajian terdahulu. Faktor tersebut adalah pengaruh dari ahli keluarga, melakukan penyelidikan sebelum memohon dan mempunyai pengetahuan asas sebelum memohon. Walaubagaimanapun, terdapat faktor-faktor luar jangkaan yang diperolehi dari kajian ini. Ini kerana tiada sebarang bukti kajian terdahulu yang menulis tentangnya. Ianya seperti faktor melakukan keputusan sendiri tanpa campur tangan mana-mana pihak, mendapat tawaran yang bukan pilihan utama, membuat permohonan tanpa ada pengetahuan asas, tidak layak memasuki kursus yang diminati dan mahu meninggalkan alam persekolahan. Secara keseluruhannya kajian ini berjaya mencapai objektif untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar memilih kursus profesional di IPTA.

Rujukan

- Abdullah, A. B. (2007). Kerjaya Dalam Bidang Kejuruteraan. Kuala Lumpur, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abu, B. (2010). "Faktor-faktor Yang Mendorong Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Memilih Bidang Perguruan." pp. 1-9.
- Ahmad, A. (2010). "Pemilihan Kerjaya Di Sektor Pembinaan Oleh Pelajar Pengajian Teknik Kursus Kejuruteraan Awam: Satu Tinjauan". pp. 1-4.
- Alsagoff, S. A. (1987). Psikologi Pendidikan I. Kuala Lumpur, Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Bakar, A. Z. A. (1987). Memahami Psikologi Pembelajaran. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Borchert (2002). Career choice factor of high school student, University of Wisconsin-Stout. **Master of Science Degree**.
- Buntat, Y. (2010). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Belia Melayu Di Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, Johor Memilih Sektor Pertanian Sebagai Satu Kerjaya." pp 1-7.
- Buntat, Y. (2010). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, Fakulti Pendidikan, UTM." pp. 1-8.
- Crites (1989). Vocational Psychology the Study of Vocational Behavior And Development. London, MC: Craw Hill Book Company.

- Dahar, M. A. (2010). "Pemilihan Bidang Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Sebagai Pembentukan Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang." pp 1-14.
- Donald (1986). How to Choose A Career. London, Kogan Page.
- Ghfar, M. N. A. (2008). "Kesan Latihan Perguruan Ke Atas Faktor Pemilihan Perguruan." Jurnal Teknologi: pp. 15-31.
- Ginzberg (1951). Occupational Choice, An Approach To A General Theory. New York, Colombia, University Press.
- Ginzberg (1972). "Toward A Theory of Occupational Choice: A Restatement." Journal of Vocational Behavior: pp. 169-176.
- Gladding (1978). Counseling: A Comprehensive Profession. Columbus, Ohio, Merill.
- Hamzah, K.-F. (2003). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Batu Pahat, Universiti Teknologi Malaysia. **Thesis Sarjana Muda**.
- Holland (1973). Making Vocational Choice: A Theory of Career. New Jersey, Printice Hall.
- Johari, F. M. (1998). Faktor Pengaruh Pilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Dngun, Terengganu, Universiti Teknologi Mara. **Projek Sarjana Muda**.
- Khailil, M. (2000). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya di Kalangan Remaja Melayu di Daerah Kinta, Universiti Teknologi Mara. **Tesis Sarjana Muda**.
- Lloyd, A. P. (1994). Bimbingan dan Kaunseling Di Malaysia. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Long, A. (1982). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melawi, N. (2000). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Memilih Kerjaya Perguruan: Satu Tinjauan Awal, Universiti Teknologi Malaysia. **Tesis Sarjana Muda**.
- Meng, E. A. (1988). Pendidikan Sebagai Satu Proses. Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Meng, E. A. (1991). Pendidikan Sebagai Satu Proses. Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Meng, Q. A. (1991). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar-Pelajar di Tingkatan Enam. Kajian Ilmiah Diploma Kaunseling, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Minghat, A. D. (2011). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan Dan Jahitan Pakaian Di Daerah Muar, Negeri Johor." pp.1-7.
- Myrick (1997). Development Guidance And Counseling: A Practical Approach. (3rd. ed.). Minneapolis, MN: Educational Media.
- Najib, M. (2002). Perkembangan Dan Pemilihan Kerjaya Remaja. Selangor, Federal Publications.
- Najmuddin, H. (2005). "Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya."
- Rahim, A. (2000). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Kejuruteraan Oleh Pelajar Wanita Tahun 4 Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia. **Tesis Sarjana**.
- Rashid, A. M. (2009). "Career development interventions in Secondary School in the State of Terengganu, Malaysia." European Journal of Social Sciences **Volume 8**: Number 1.
- Salehuddin (2005). "Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Pengkhususan Sekolah Rendah." Jurnal Penyelidikan MPBL **6**.: 35-52.
- Stone, S. a. (1992). Asas-Asas Bimbingan. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Nasir (1998). Faktor - Faktor Pemilihan Kerjaya Pelajar, Universiti Utara Malaysia.
- Tolbert (1974). "Counselling for Career Development." (Houghton Mifflin Company).
- Yahaya, A. (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur, PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.